

Laluan dibuka sepenuhnya Disember

Kuala Lumpur: Sebahagian Jalan Masjid India di sini, yang terbabit dengan insiden tanah jertus sudah dibuka kepada orang awam.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menerusi kenyataan semalam memaklumkan laluan yang dibuka termasuk kawasan berhampiran Bit Polis Jalan Masjid India dan lorong antara premis perniagaan berkuat kuasa 10 November lalu.

“Pembukaan laluan berkenaan dibuat selepas kerja-kerja pembaikan dan penyiasatan tanah di kawasan terbabit diselesaikan.

“DBKL menghargai kesabaran dan kerjasama yang diberikan orang ramai serta pihak berkepentingan sepanjang tempoh kerja ini dijalankan,” menurut kenyataan itu.

Sementara itu, DBKL memaklumkan kawasan ground zero iaitu lokasi kejadian tanah jertus berhampiran Wisma Melayu masih ditutup untuk kerja-kerja pembaikan yang giat dijalankan.

“Berdasarkan prestasi kerja di tapak, kawasan ground zero ini dijangka dibuka sepenuhnya hujung Disember 2024 berbanding,” katanya.